

Panggilan untuk membuka hati kepada *tawbah*

□ Wahai manusia! Betapa berdosanya dan bodohnya engkau kerana tidak menghargai kurniaan dari Maha Pemberi. Kehidupan yang sekian lama tidak taat dan setia kepada yang Maha Pengampun, Dia yang memberi kemudahan dan kesenangan – tanpa, *na'udhu bi Allah*, mendatangkan sebarang manfaat padaNya – setelah melanggar kekudusanNya dengan kedegilan dan tiada rasa malu, kini apabila engkau menyesal, menyedih dan bertaubat; Tuhan Maha Esa menerima dirimu sebagai salah satu manusia yang dicintaiNya. Teramat agung keampunanNya dan besar kurniaanNya! Ya Tuhan! Kami tidak mampu membalas keberkatanMu atas diri kami. Lidah kami kelu untuk memuji namaMu. Kami hanya boleh menunduk malu dan meminta keampunanMu atas diri kami yang tidak tahu malu. Kami tidak layak untuk diampun. Sesungguhnya keampunanMu teramat luas dan kurniaanMu lebih dari apa yang boleh dikatakan.

□ Seorang yang bijak harus berusaha untuk menguatkan rasa kesal dan dukacita di dalam naluri supaya insya-Allah, ia akan membakar api penyesalan. Dengan cara tafakur tentang akibatnya membuat dosa, penyesalan lebih kukuh di dalam hati, justeru membakar api suci, api yang disebut Qur'an: (*Al-Hutamah*) ialah api Allah yang dinyalakan (dengan perintahNya), Yang naik menjulang ke hati; Sesungguhnya api neraka itu ditutup rapat atas mereka. (104:6-8). Dalam hatinya, membakar api penyesalan akan menghapuskan dosa-dosanya dan membakar semua kotoran. Dia harus sedar bahawa jika api itu tidak dinyalakan dalam naluri dan jika dia tidak mengharungi api neraka hatinya di Dunia, dia akan dicampakkan ke api neraka jahanam di Akhirat kelak. Pintu neraka akan dibuka untuknya sementara pintu syurga tidak menerimanya. Seorang yang bijak harus sedar akan akibat buruk disebabkan dosa-dosanya.

□ Ya Allah! Berkatilah kami dengan api penyesalan. Bakarlah hati kami dengan api dunia dan biarkan ia terus menyala dalam perasaan kesal. Hilangkan kotoran di dalam hati kami dan ambillah kami kembali dari dunia ini tanpa beban akibat dosa-dosa. Sesungguhnya Kaulah Maha Pemberi kurnia. [Dipetik dari Al-Khumayni, *Forty Hadith*, babak 17, 'Tawbah']

Kesimpulan:

□ Imam Zain al-Abidin (a) menyatakan: “Tuhanku ! Kaulah si Dia yang membuka pintu kepada keampunanNya dan namakan ia ‘taubat’ kerana Kau bersabda, ‘Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan “Taubat Nasuha” (66: 8). Apakah alasan seseorang yang berdepan dengan pintu itu tanpa menghiraukannya?” [al-Sahifa al-Kamilah, The Whispered Prayer of the Repenters]

Untuk keterangan lebih lanjut tentang Islam, lungsuri:

<http://al-islam.org/faq/>

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan “Taubat Nasuha”, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu...”

(Qur'an, 66: 8)

Rasulullah (s) bersabda: Terdapat empat tanda-tanda orang bertaubat: 1) Keikhlasan dalam menjalani perintah Allah swt 2) Menjauhi kebohongan 3) Teguh dalam kebenaran dan 4) Bersemangat untuk melakukan kebaikan.

[Al-Harani, *Tuhaf al-Uqool*, ms. 20]

Penilaian Jiwa...

Taubat (*tawbah*)

Imam Ja'far al-Sadiq (a) berkata: “Apabila seorang hamba ikhlas bertaubat (*tawbatun nasuh*) dan berpaling kepada Allah, dia akan dicintaiNya dan dilindungi (dosa-dosanya) di dunia dan Akhirat.” Saya bertanya, “Bagaimanakah dia dilindungiNya?” Imam (a) menjawab, “Kedua mailakat (yang ditugaskan menulis jasanya) akan lupa segala dosanya yang ditulis. Kemudian, tubuhnya akan diperintah Allah ‘Sembunyikan dosa-dosanya,’ dan tempat-tempat sedunia diperintahNya ‘Sembunyikan dosa-dosanya yang pernah dilakukan di atas mu.’ Demikian, dia akan berhadapan dengan Tuhan tanpa sebarang saksi atas apapun dosanya yang lalu.”

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, kitab *al-iman wa al-kufr*, bab *al-tawbah*, hadis #1]

Kenyataan tentang *tawbah*

Tawbah bermaksud kembali kepada zahir jiwa asalnya setelah cahaya kemanusiaan (*fitrah*) dan roh ditutupi oleh kegelapan dosa dan pelanggaran. Jiwa manusia pada asalnya tiada catatan kebaikan ataupun keburukan. Ia berupaya mencapai salah satu di antaranya, tetapi dalam keadaan asal ianya suci, tanpa dosa dan zahir yang terang. Kelakuan dosa menyebabkan hati yang kabur, dan cahaya jiwa dimatikan dan bertukar jadi gelap. Tetapi sebelum kegelepan ini menutup seluruh hati, jika seorang itu sadar dari lalainya dan bertaubat, jiwanya akan meninggalkan kegelapan itu dan kembali kepada zahir dan cahaya kemanusiaan asalnya. Ini disebut oleh Imam Baqir dalam salah satu hadis: (a):“**Barangsiapa yang bertaubat dari dosanya akan seperti tidak pernah berdosa...**” [Al-Kulayni, *al-Kafi*, kitab *al-'iman wa al-kufr*, bab *al-tawbah*, hadis #10]

Syarat-Syarat yang Penting mengenai Taubat

Tawbah tidak diterima dari seseorang yang hanya berkata, “Saya bertaubat.” Ada beberapa syarat yang harus dilakukan sebelum *tawbah*. Perkara ini terdapat di dalam hadis tersebut:

- Terdapat kisah tentang seorang yang berkata: *Astaghfirullah* (Aku memohon keampunanNya) di hadapan Imam ‘Ali (a). Imam menjawab, "Moga ibu kamu meraung untuk mu! Kamu tahu erti *istighfar*? Sesungguhnya *istighfar* adalah buat yang *'illiyun* (orang yang kedudukannya tinggi) dan ia adalah perkataan yang mempunyai enam maksud. **Pertama** adalah penyesalan atas kelakuan dahulu. **Kedua**, tekad untuk tidak mengulanginya. **Ketiga**, kembalikan hak-hak yang pernah dirampas supaya dapat bertemu Allah Maha Agung tanpa dituntut oleh sebarang pihak. **Keempat**, mematuhi perintahNya seperti yang diwajibkan. **Kelima**, perbaikilah tubuh mu yang dibina dan penuh dengan pemakaan yang haraam, dengan berpuasa supaya hanya tinggal sekerat kulit pada rangka mu, setelah sedemikian barulah munculnya darah daging yang bersih. **Keenam**, buarkanlah tubuh mu merasai keperitan mematuhi perintah sepertimana ia merasai kemanisan melakukan dosa. Apabila semua perkara ini dilakukan, barulah kamu mengucapkan *Astaghfirullah!* [Nahj al-Balagha, saying # 417]

Hadis ini menyentuh dua syarat untuk *tawbah* (kesal dan tekad), dua syarat penting untuk penerimaan (kembalikan hak-hak yang pernah dirampas dariNya atau ciptaanNya), dan dua perkara untuk menyempurnakan taubat.

Tawbatun nasuh (taubat yang ikhlas)

Mengikut penyelidik bertauliah al-Shaykh al-Bahai (qs), terdapat beberapa maksud *tawbatun nasuh*. Antaranya seperti yang berikut:

- *Tawbah* yang ‘menegur’ orang, i.e. ia mendorong mereka mengikut langkahnya (yang bertaubat) atas kesan baik yang terdapat di dalam dirinya, atau *tawbah* yang ‘menasihati’ yang bertaubat untuk meninggalkan dosanya dan tidak kembali

padanya lagi.

- *Tawbah* yang dilakukan khas atas nama Tuhan, sama seperti madu tulen tanpa sebarang awet, dan dinamakan *‘asalun nasuh*. Keikhlasan berdasarkan penyesalan atas keburukan dosa dan murka dari Tuhan, dan bukan atas ketakutan dari api neraka.

- Perkataan *nasuh* berkaitan dengan *nasabah* yang bermaksud menjahit, kerana *tawbah* menjahit semula badan keimanan yang dimamah dosa, dan mengaitkan yang bertaubat itu dengan *awliya'* (sahabat) Tuhan dan pencintaNya seperti kain-kain berlainan yang disambung dengan jahitan.

- Satu lagi tafsir tentang *nasuh* adalah ia sebahagian dari yang bertaubat dan *tawbatun nasuh* adalah *tawbah* dimana seseorang itu mengambil bahagian dalam melakukan taubat yang sempurna sehingga akibat dosa-dosanya dahulu pupus dari hati. Perkara ini hanya boleh dicapai jika jiwa merasa kesal dan derita dan menerangkan kegelapan dosanya dengan cahaya dari kelakuan yang baik.

Lagi cepat, lagi baik...

Tawbah yang sempurna sukar untuk dicapai. Menglibatkan diri dengan dosa, terutama dosa besar dan menjejaskan kemanusiaan, menyebabkan seseorang itu lupa kepada *tawbah*. Jika sebuah pokok dosa semakin membesar di dalam hati manusia dan menjadi matang lalu mempunyai akar yang kuat, akibatnya sangat memberbahaya, menyebabkan seseorang itu untuk terus berpaling dari taubat. Walaupun kadangkala dia terfikir tentang *tawbah*, dia menanggungnya dari hari ke hari, dan dari bulan ke bulan, memberitahu dirinya, "Aku akan bertaubat di saat-saat akhir hidup ku dan di masa tua nanti." Ini adalah mimpi sahaja. Orang yang sedemikian tidak dapat mencapai *tawbah* setelah akar dosa-dosa merebak dalam dirinya. Masa yang baik untuk *tawbah* adalah zaman muda apabila dosanya kurang, keseluruhan hati masih belum ditutupi kegelapan dan syarat-syarat *tawbah* lagi senang untuk dilakukan. Peluang dari Tuhan ini harus diambil tidak kira apa pun dan seseorang itu harus menjauhi bisikan syaitan supaya memperlambatkan *tawbah*. Oleh sedemikian, seseorang itu harus *tawbah* secepat mungkin setelah dosa dilakukan. Sesiapa yang cerdas akan sedar tentang perkara ini, menjauhi dosa dan kesali kesalahan yang dilakukan dahulu. Hatinya yang bertaubat akan merasa kesal dan mempunyai tekad yang kuat untuk meninggalkan kehidupan yang penuh dengan dosa. Tuhan membantunya dan jika *tawbah* itu ikhlas, dia menjadi kesayangan Tuhan seperti dikatakan dalam ayat suci:“*Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat*” (2: 222)

- Imam ‘Ali (a) menyatakan: “**Jika kau inginkan keberkatanNya di Akhirah, hari ini hari persiapan manakala esok adalah hari pengganjaran. Tempat untuk dilawati adalah Syurga manakali tempat jahanam adalah Neraka. Tiadakah diantara kamu yang bertaubat sebelum ajal, membetulkan kesalahan yang dilakukan, dan melakukan perkara baik sebelum bala menimpa dirinya?**” [Nahj al-Balagha, khutbah #33]